



H I B A H **& HARTA PUSAKA**



INDERA SHAHRIL MOHD SHAHID
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

LATAR BELAKANG

- ⦿ Amalan masyarakat biasanya diungkap sebagai “aku bagi”, “aku hadiahkan”, “aku sedekahkan”.
- ⦿ Perkataan “HIBAH” jarang kedengaran ketika pemberian dilakukan





Mak bagi rumah ini kepada kamu, kamu ambillah sekarang.

Terima kasih mak,
saaaaaaayang
mak!



APA MAKSUD HIBAH

Suatu **akad** yang mengandung **pemberian milik** oleh seseorang secara **sukarela** terhadap **hartanya** kepada seseorang yang lain pada masa hidupnya tanpa balasan

H I B A H

APAKAH PERBEZAAN HIBAH, WASIAT & FARAID

Hibah

- Pemberian harta kepada seseorang / sesuatu pihak semasa hidup

Wasiat

- Pemberian harta kepada seseorang / sesuatu pihak selepas meninggal dunia

Faraid

- Ketetapan bahagian waris ke atas harta pusaka si mati mengikut hukum syarak

DALIL PENSYARIATAN HIBAH

Firman Allah SWT di dalam an-Nisa ayat 4:

وَأْتُوا النِّسَاءَ صَدُقَاتِهِنَّ نِحْلَةً ۚ فَإِنْ طِبْنَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِنْهُ
نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِيئًا مَرِيئًا

“Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu maskahwin-maskahwin mereka sebagai pemberian yang wajib. Kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian dari maskahwinnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lezat, lagi baik kesudahannya”.

تهادوا تحابوا

"Exchange gifts as that will lead to increasing your love for one another"

Daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Saling memberi hadiahlah kamu, nescaya kamu akan saling sayang-menyayangi."

(Riwayat al-Bukhari)

RUKUN HIBAH

Pemberi

Penerima

Barang
yang
dihibah

Sighah



❑ PEMBERI HIBAH

- Berakal
- Baligh
- Tidak dipaksa
- Tidak ditahan dalam melakukan *tasarruf* (*mahjur 'alaih*)
- Bukan dalam keadaan *marad al-maut*

❑ PENERIMA HIBAH

- Wujud ketika hibah dilakukan
- Diwakili oleh diri sendiri atau wali

◎ **HARTA YANG DIHIBAH**

- Wujud ketika akad dilakukan
- Telah ditentukan
- Diiktiraf oleh syarak
- Milik penghibah

◎ **SIGHAH**

- Apa sahaja yang membawa maksud ijab dan qabul

Apa pandangan fuqaha tentang sighah?

- **Syafie** : Mestilah dilafazkan dengan kata-kata
- **Hanbali** : Apa-apa tindakan menunjukkan ijab dan qabul adalah dibolehkan.
- **Amalan semasa** : Dilaksana secara bertulis & ditandatangani oleh penghibah & penerima dan disaksikan oleh dua orang saksi

◎ Ijab

- bermaksud *ithbat*, iaitu mensabitkan atau menetapkan sesuatu
- pernyataan yang mula-mula dikeluarkan antara dua pihak
- Ketiadaan sighth ijab boleh memberi kesan kepada keesahan hibah



◎ Qabul

- Fuqaha berbeza pandangan tentang keperluan qabul dalam akad hibah
- **Maliki, Syafie & Hanbali** : Qabul adalah rukun hibah
- **Majoriti fuqaha Hanafi** : Qabul bukan daripada rukun hibah

APAKAH YANG DIKATAKAN ELEMEN QABD DALAM HIBAH?

Tindakan penerima menerima harta yang dihibahkan seperti:

- a. **MENERIMA SERAHAN HARTA**
- b. **MEMEGANG HARTA**
- c. **MENGUASAI HARTA**
- d. **MENJADIKAN HARTA ITU MILIK PENERIMA**

Qabd merupakan keperluan supaya hibah berkuatkuasa

Ijab dan qabul tanpa qabd tidak berlaku hibah

BERAPA KADAR HARTA YANG BOLEH DIHIBAHKAN?

- Bebas kepada pemilik harta untuk memberikan hartanya **TANPA TERIKAT KADAR TERTENTU.**
- Harus menghibahkan keseluruhan harta.
- Rasulullah pesan supaya berlaku adil kepada anak-anak.

BOLEH KE HIBAH SEMASA MARAD AL-MAUT?

- ❑ Penghibah **SEDANG SAKIT TENAT ATAU SAKIT YANG MEMBAWA KEPADA KEMATIAN**
- ❑ Tidak boleh lebih daripada 1/3 harta
- ❑ Tidak boleh hibah kepada waris
- ❑ Kaedah wasiat adalah terpakai

BOLEH KE HIBAH DITARIK BALIK?

لا يحل للرجل أن يعطي العطية ثم يرجع فيها إلا
الوالد فيما يعطي ولده

Hadis daripada Ibn Abbas r.a., bahawa Rasulullah s.a.w bersabda, “Tidak halal bagi seseorang yang memberi hibah menarik balik hibahnya, kecuali hibah bapa kepada anaknya.”

(Riwayat at-Tirmizi)

- Menurut at-Tarmizi, hadis ini hasan sahih. Bapa di sini termasuklah keturunannya ke atas dan anak di sini juga termasuklah keturunannya ke bawah.

APAKAH KebaikAn HIBAH?



- 1. Dianjurkan dalam Islam**
- 2. Memupuk kasih sayang & mengeratkan silaturrahim**
- 3. Pemberian semasa hidup kepada sesiapa yang dikehendaki**
- 4. Pemberian tanpa had**
- 5. Pemberi hibah masih boleh menikmati harta yang dihibahkan**
- 6. Alternatif penyelesaian masalah pembahagian harta secara faraid**
- 7. Boleh dibuat mengikut kesesuaian taraf hidup penerima**
- 8. Perceraian tidak menjejaskan hak kepada pemberian secara hibah**

KEDUDUKAN HIBAH DI MALAYSIA

HIBAH DI MALAYSIA

- ⦿ Tiada undang-undang substantif berkenaan hibah di negara ini
- ⦿ Beberapa syarikat amanah, syarikat perancangan harta termasuk peguam-peguam menawarkan perkhidmatan hibah
- ⦿ Mahkamah Syariah berbidangkuasa membicarakan pertikaian dan keesahan sesuatu hibah

BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARIAH BERKAITAN HIBAH

Sek 61(3)(b)(vi), Enakmen Pentadbiran Agama Islam
(Negeri Selangor) 2003

(3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah —

(b) Dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan — (vi) alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seorang Islam

ISU-ISU HIBAH DI MALAYSIA

- ◎ Hibah selepas mati
- ◎ Hibah bersyarat penghibah ingin menduduki / mengambil manfaat ke atas harta yang telah dihibahkan
- ◎ Hibah bersyarat pulang balik semula harta yang telah dihibahkan
- ◎ Pembatalan hibah bersyarat bagi terimaan berlaku selepas mati
- ◎ Pembatalan hibah selepas penerima menerima hibah

ISU-ISU HIBAH DI MALAYSIA

- ◎ Hibah antara pemegang akaun bersama
- ◎ Hibah harta dalam gadaian
- ◎ Hibah manfaat takaful
- ◎ Hibah tanah GSA 1960
- ◎ Hibah amanah
- ◎ Hibah wang simpanan / unit amanah
- ◎ Dokumentasi hibah

HIBAH SELEPAS MATI

- Ramai masyarakat masih tak faham
- Sepatutnya harta yang dihibahkan 'berpindah milik' kepada penerima hibah **BERKUATKUASA SERTA MERTA**
- Contoh: “Ayah hibahkan rumah di Shah Alam tu kepada kamu lepas ayah mati nanti”
- **HIBAH ADALAH PEMBERIAN HARTA SECARA SUKARELA YANG BERKUATKUASA SEMASA HIDUP**
- **HIBAH YANG MENETAPKAN TARIKH KUAT KUASA SELEPAS KEMATIAN PENGHIBAH ADALAH TIDAK SAH. HIBAH TERSEBUT DIANGGAP SEBAGAI WASIAT DAN TERTAKLUK KEPADA HUKUM WASIAT.**

HIBAH BERSYARAT PENGHIBAH INGIN MENDUDUKI / MENGAMBIL MANFAAT KE ATAS HARTA YANG TELAH DIHIBAHKAN

- Contoh: 'Ayah beri rumah ini kepada kamu, tapi selama ayah hidup ni, ayah nak tinggal atas rumah ni lagi'
- Tiada masalah **JIKA TIADA UNSUR GHARAR & TUJUAN PERJANJIAN**
- **MAZHAB HANBALI** — **SAH HIBAH** dengan mengecualikan manfaatnya selama tempoh yang diketahui (dipersetujui)
- Jaminan kepada penghibah
- Termasuk kategori **AL-HIBAH AL-MUQTARINAH BI SHART**
- Persetujuan **BERSAMA**
- Hibah bersyarat ini adalah **SAH** sekiranya **PENERIMA HIBAH BERSETUJU DENGAN SYARAT** yang ditetapkan

HIBAH BERSYARAT PULANG BALIK SEMULA HARTA YANG TELAH DIHIBAHKAN

- Contoh: 'Ayah beri kamu kereta ini untuk bawa pergi kerja, nanti kamu dah ada duit kamu beli kereta sendiri. Kereta ni pulang semula kepada ayah'
- Bercanggah dengan kehendak akad hibah
- HIBAH TIDAK SAH, hanya sah sebagai pinjaman sahaja
- 'Penerima hibah' perlu pulangkan semula kepada 'penghibah'
- AKAD 'ARIYAH (Pinjaman)

HIBAH MANFAAT TAKAFUL

- Berasaskan pertolongan secara bersama
- Satu kaedah agihan manfaat takaful
- Tujuan bagi memastikan bayaran wang manfaat diserahkan kepada anggota keluarga tanpa terikat dengan hukum pusaka

- **MANFAAT TAKAFUL BOLEH DIHIBAHKAN**
- **HIBAH BERSYARAT**
- **PESERTA BOLEH BATALKAN HIBAH YANG DIBUAT**

(Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013)

HIBAH HARTA DALAM GADAIAN

- Dalam pembiayaan bank / lembaga perumahan
- Tujuan cagaran untuk menjaga kepentingan peminjam dan institusi kewangan
- Mazhab Hanafi dan Maliki — status hibah boleh terbatal **BERGANTUNG KEPADA KEBENARAN PEMBIAYA**
- Mazhab Syafie dan Hanbali — Hibah batal

Kaedah KEBENARAN

- Mendapat kebenaran dari pemiutang
- Dilindungi Takaful (MLTT/MRTT)

PRAKTIS SEMASA DI MALAYSIA

HIBAH MUTLAK

Membuat Dokumen
Perisytiharan Hibah

Menandatangani
Dokumen
Perisytiharan Hibah

Membuat Pindah
Milik Harta yang
Dihibahkan

HIBAH AMANAH

Membuat Dokumen
Perisytiharan Hibah
Amanah dengan
Melantik Pemegang
Amanah

Penghibah Tandatangani
Dokumen Perisytiharan
Hibah

Pemegang Amanah
Tandatangani Terimaan
Harta yang Dhibahkan
bagi Pihak Penerima
Hibah

ELEMEN PENTING DALAM DOKUMEN PERISYTIHARAN HIBAH

• Pengakuan waras fikiran dan kerelaan pemberi hibah;

• Perisytiharan harta yang ingin dihibahkan;

• Pernyataan pemberian harta yang dihibahkan;

• Pelantikan Wasi dan Pemegang Amanah;

Perakuan penerimaan harta yang dihibahkan

Minah selesai masalah harta pusaka

2/3/18 - B...

USTAZ INDERA SHAH, MOHD SHAH, Pengusaha Harta Bani, Mq. Agama Islam Selangor

Masyarakat Islam di negara ini masih kurang faham dengan ilmu perancangan harta pusaka. Tidak kurang juga ramai yang beranggapan bahawa perancangan harta pusaka penting kerana nanti nanti akan dibela-bela oleh keluarga yang tidak berakhlak.



FAHAMI Konsep Hibah



1. HIBAH ADALAH PEMBERIAN SEMASA HIBAH adalah satu perbuatan memberi harta miliknya kepada orang lain semasa hayatnya tanpa balasan. Malapetaka nampak ingkang melaud terasbut, namun dari segi pelaksanaan masih ramai yang tidak memahaminya dan hibah menjadi salah satu wujubnya. Untuk menjadikan hibah terasbut sempurna ia perlu kepada syarat dan rukun hibah. Kebanyakan masyarakat salah faham berkenaan konsep hibah ini sendiri. Sebagai contoh, seorang ayah menyerahkan hartanya kepada anak-anak bahawa harta-harta miliknya dihibahkan kepada semua anak-anak tetapi selepas ayah mati baru sahaja ia menyatakan perkiraan hibah kepada anak-anak yang masih hidup.

2. HIBAH BUKAN MODAL UNTUK ELAK FARAJI JANGAN kita salah anggap faham hibah kerana ia mengimpikan hibah sebagai kebebasan dan kebebasan kepada pemilik harta untuk berbuat apa yang dia sukai. Hibah adalah pemberian yang dilakukan semasa pemilik hayat. Namun, jika kita tidak faham konsep hibah ini, kita akan mengalami masalah dalam urusan harta pusaka. Hibah adalah pemberian yang dilakukan semasa pemilik hayat. Namun, jika kita tidak faham konsep hibah ini, kita akan mengalami masalah dalam urusan harta pusaka.

3. HIBAH BUKAN MODAL UNTUK ELAK FARAJI JANGAN kita salah anggap faham hibah kerana ia mengimpikan hibah sebagai kebebasan dan kebebasan kepada pemilik harta untuk berbuat apa yang dia sukai. Hibah adalah pemberian yang dilakukan semasa pemilik hayat. Namun, jika kita tidak faham konsep hibah ini, kita akan mengalami masalah dalam urusan harta pusaka.

4. HIBAH BUKAN MODAL UNTUK ELAK FARAJI JANGAN kita salah anggap faham hibah kerana ia mengimpikan hibah sebagai kebebasan dan kebebasan kepada pemilik harta untuk berbuat apa yang dia sukai. Hibah adalah pemberian yang dilakukan semasa pemilik hayat. Namun, jika kita tidak faham konsep hibah ini, kita akan mengalami masalah dalam urusan harta pusaka.



GERAKAN KESEDARAN HIBAH

Peringkat Majlis Peringkat Kebangsaan

Tanggal: 01 Mac 2018 bertempat di Jorjans Atria, Kuala Lumpur, Muzium Kesultanan, Selangor dan Yatik Daulat, Kedah



BEZA HIBAH DAN WASIAT

SALAN: Ayah saya telah meninggal dunia beberapa bulan yang lepas. Dulu ayah saya ada kita dia nak bagu rumah ini kepada saya. Adakah itu hibah atau wasiat?

USTAZ INDERA SHAH, MOHD SHAH, Pengusaha Harta Bani, Mq. Agama Islam Selangor

Hi Akad hibah dibuat secara sukarela berbalik. Hi Akad hibah dibuat secara sukarela berbalik.

JAWAPAN Kita hendaklah mengenal pasti adakah usyar yang dibuat oleh ayah saya semasa hayatnya itu berhih atau hibah. Kita hendaklah mengenal pasti adakah usyar yang dibuat oleh ayah saya semasa hayatnya itu berhih atau hibah.

Hi Akad hibah dibuat secara sukarela berbalik. Hi Akad hibah dibuat secara sukarela berbalik.

BEZA ANTARA HIBAH DAN WASIAT Hibah dan wasiat merupakan dua instrumen penting dalam perancangan harta pusaka. Hibah adalah pemberian yang dilakukan semasa pemilik hayat. Wasiat adalah pemberian yang dilakukan semasa pemilik hayat.

Hi Akad hibah dibuat secara sukarela berbalik. Hi Akad hibah dibuat secara sukarela berbalik.

BEZA ANTARA HIBAH DAN WASIAT Hibah dan wasiat merupakan dua instrumen penting dalam perancangan harta pusaka. Hibah adalah pemberian yang dilakukan semasa pemilik hayat. Wasiat adalah pemberian yang dilakukan semasa pemilik hayat.

Hi Akad hibah dibuat secara sukarela berbalik. Hi Akad hibah dibuat secara sukarela berbalik.

BEZA ANTARA HIBAH DAN WASIAT Hibah dan wasiat merupakan dua instrumen penting dalam perancangan harta pusaka. Hibah adalah pemberian yang dilakukan semasa pemilik hayat. Wasiat adalah pemberian yang dilakukan semasa pemilik hayat.

Hi Akad hibah dibuat secara sukarela berbalik. Hi Akad hibah dibuat secara sukarela berbalik.

Wasiat atau wasiat. Perbezaan wasiat adalah ia dibuat semasa pemilik hayat masih hidup. Hibah adalah pemberian yang dilakukan semasa pemilik hayat masih hidup.

Wasiat atau wasiat. Perbezaan wasiat adalah ia dibuat semasa pemilik hayat masih hidup. Hibah adalah pemberian yang dilakukan semasa pemilik hayat masih hidup.

Wasiat atau wasiat. Perbezaan wasiat adalah ia dibuat semasa pemilik hayat masih hidup. Hibah adalah pemberian yang dilakukan semasa pemilik hayat masih hidup.

Wasiat atau wasiat. Perbezaan wasiat adalah ia dibuat semasa pemilik hayat masih hidup. Hibah adalah pemberian yang dilakukan semasa pemilik hayat masih hidup.

Wasiat atau wasiat. Perbezaan wasiat adalah ia dibuat semasa pemilik hayat masih hidup. Hibah adalah pemberian yang dilakukan semasa pemilik hayat masih hidup.

Wasiat atau wasiat. Perbezaan wasiat adalah ia dibuat semasa pemilik hayat masih hidup. Hibah adalah pemberian yang dilakukan semasa pemilik hayat masih hidup.

dengan apa-apa mata bab dan bab. Tetapi apabila dibincang mengenai perancangan dan perancangan harta pusaka, hibah adalah pemberian yang dilakukan semasa pemilik hayat masih hidup.

dengan apa-apa mata bab dan bab. Tetapi apabila dibincang mengenai perancangan dan perancangan harta pusaka, hibah adalah pemberian yang dilakukan semasa pemilik hayat masih hidup.

dengan apa-apa mata bab dan bab. Tetapi apabila dibincang mengenai perancangan dan perancangan harta pusaka, hibah adalah pemberian yang dilakukan semasa pemilik hayat masih hidup.

dengan apa-apa mata bab dan bab. Tetapi apabila dibincang mengenai perancangan dan perancangan harta pusaka, hibah adalah pemberian yang dilakukan semasa pemilik hayat masih hidup.

dengan apa-apa mata bab dan bab. Tetapi apabila dibincang mengenai perancangan dan perancangan harta pusaka, hibah adalah pemberian yang dilakukan semasa pemilik hayat masih hidup.

dengan apa-apa mata bab dan bab. Tetapi apabila dibincang mengenai perancangan dan perancangan harta pusaka, hibah adalah pemberian yang dilakukan semasa pemilik hayat masih hidup.

SEBAB KENAPA HARTA PUSAKA ORANG ISLAM BEKU




Salah
Tanggapan

Tamak &
Pentingkan diri
sendiri

Mengharap
pada waris lain

Tiada ilmu
pengetahuan

Tiada
perancangan
harta semasa
hidup



HARTA PUSAKA

Definisi

Segala apa yang menjadi kepunyaan si mati di masa hidupnya, kemudian ditinggalkan untuk waris-warisnya sama ada harta benda, hak-hak & apa yang termasuk dalam miliknya setelah dia mati

RUKUN PUSAKA

SI MATI

WARIS

HARTA

I. SI MATI

MATI HAKIKI

MATI HUKMI

MATI HAKIKI

- ⦿ Kematian yang sebenar; jenazahnya dimandikan, dikapankan, disembahyangkan dan seterusnya dikebumikan
- ⦿ Kematian yang nyata dan tidak dipertikaikan kematiannya
- ⦿ Kematiannya dibuktikan dengan permit pengebumian dan sijil kematian

MATI HUKMI

- ⦿ Kematiannya tidak disaksikan dan tidak dapat dibuktikan dengan nyata, tetapi dihukumkan telah mati oleh hakim melalui **ANGGAPAN KEMATIAN**
- ⦿ Kematian ini berkaitan dengan masalah orang hilang (mafqud)
- ⦿ Tidak diketahui masih hidup atau telah mati
- ⦿ Seksyen 108, Akta Keterangan 1950 – 7 tahun

BAGAIMANA WARIS MENERIMA HARTA PUSAKA?



KETURUNAN

PERKAHWINAN



3. HARTA

Semua harta milik si mati yang diperolehi secara halal seperti:

- ✕ Melalui jualbeli
- ✕ Mendapat hibah
- ✕ Mendapat hadiah/sedekah
- ✕ Melalui harta sepencarian
- ✕ Melalui wasiat
- ✕ Melalui harta pusaka

JENIS-JENIS HARTA

Harta Alih

- Wang Tunai
- Kenderaan
- Wang Simpanan
- Barang Kemas
- Barang Perhiasan
- Perkakas
- Saham
- Takaful



Harta Tak Alih

- Rumah
- Tanah
- Kebun
- Sawah
- Ladang
- Bangunan
- Premis Kedai



Penentuan Harta Pusaka

KWSP

Sumbangan @ Derma

Khairat Kematian

Imbuhan, Pampasan & Saguhati

Pencen & Pencen Terbitan

Gantian Cuti Rehat

Ganjaran & Ganjaran Terbitan

Wang PERKESO

Insurans @ Takaful

KWSP

- Wang berkenaan adalah harta pusaka
- Ia dicarumkan oleh si mati/pekerja semasa hidup
- Hendaklah dibahagikan kpd waris-waris si mati mengikut hukum faraid
- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-49 pd 19 September 2000 memutuskan:
 - Wang KWSP & wang simpanan adalah harta pusaka yg mesti dibahagi mengikut hukum faraid
 - Penama KWSP adalah wasi/pentadbir harta
 - Penama hendaklah membahagikan wang KWSP (peninggalan si mati) mengikut hukum faraid

Sambungan...

- Hukum pembayaran KWSP bagi ahli yg memeluk Islam - Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-61 pd 27 Januari 2004 memutuskan:
 - Mengikut hukum syarak, org bukan Islam tidak berhak mewarisi harta org Islam & begitulah sebaliknya;
 - Jika seseorg bukan Islam memeluk Islam & mempunyai simpanan KWSP & tih menamakan penama org bukan Islam maka hendaklah menukar penama tersebut kpd org Islam. Jika tiada penama org Islam & tiada waris Islam yg berhak ke atas harta tersebut stlh beliau mati maka harta itu tidak menjadi hak kpd penama yg bukan Islam, sebaliknya hendaklah diserahkan kpd Baitumal; dan
 - Org Islam blh membuat wasiat kpd org bukan Islam tidak melebihi 1/3 drpd hartanya

Sambungan...

- Hukum menjadikan caruman KWSP sbg harta sepencarian - Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-67 pd 22 Februari 2005 tlg memutuskan bhw wang caruman KWSP tidak blh dianggap sbg harta sepencarian & menetapkan wang tersebut sbg harta pusaka yg perlu dibahagikan mengikut hukum faraid

Sumbangan @ Derma

- Org ramai yg datang melawat kematian selalunya menghulurkan wang kpd keluarga si mati sbg derma
- Sumbangan wang juga diberikan kpd keluarga si mati olh majikannya
- Tujuan sumbangan/derma ini bagi meringankan beban keluarga si mati
- Sumbangan/derma ini tak dianggap sbg harta pusaka
- Ia menjadi hak milik keluarga si mati & tak perlu dibahagikan mengikut hukum faraid
- Waris-waris blh gunakannya utk keperluan yg difikirkan patut & blh dibahagikan di kalangan mereka mengikut persetujuan

Khairat Kematian

- Mempunyai ciri yg hampir sama dgn derma/sumbangan
- Konsep/matlamatnya sama iaitu bagi meringankan beban keluarga utk menguruskan jenazah
- Ada juga khairat kematian yg dibayar oleh agensi tertentu spt ASB
- Oleh kerana khairat kematian diberikan kpd keluarga si mati maka ia bukan harta pusaka
- Yuran yg dibayar drpd ahli dianggap sbg sumbangan & bukan simpanan

Imbuhan, Pampasan & Saguhati

- Selalunya diberikan oleh majikan kepada keluarga pekerjaannya yang telah mati
- Penerimaannya seperti balu, anak, ibu bapa @ adik beradik si mati
- Wang ini dibayar semata-mata ihsan daripada majikan kepada keluarga pekerjaannya
- Oleh itu, secara umumnya ia dianggap bukan harta pusaka

Pencen & Pencen Terbitan

- Pencen dibayar kpd pesara semasa hayatnya adalah kepunyaannya
- Formula: $1/600 \times \text{tempoh perkhidmatan (bulan)} \times \text{gaji akhir}$
- Pencen si mati yg belum sempat dikeluarkan semasa hayatnya adalah harta pusaka
- Pencen terbitan dibayar kpd org tanggungan pesara yg tlg mati (balu/duda & anak bawah 21 tahun yg belum berkahwin)
- Pencen terbitan tidak dianggap sbg harta pusaka & ia tertakluk kpd Akta Pencen 1980 (Akta 227) & (Akta 239)
- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-21 pd 12 September 1988 memutuskan bhw ganjaran terbitan & pencen terbitan tidak termasuk sbg harta pusaka, maka kaedah pembahagiannya tidak tertakluk kpd kaedah pembahagian harta pusaka

Gantian Cuti Rehat

- Cuti rehat yg tidak dapat dihabiskan dlm satu-satu tahun bekerja & dikumpulkan sehingga maksimum 150 hari & diganti dgn wang tunai
- Formula: $1/30 \times (\text{gaji akhir} + \text{imbuhan tetap}) \times \text{jumlah cuti terkumpul}$
- Biasanya bayaran gantian cuti rehat dibayar dgn wang bersekali dgn ganjaran persaraan
- Perkara 5.1(b) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 tahun 1993 — bagi pegawai yg mati dlm perkhidmatan, bayaran kpd tanggungan pegawai
- Amalan yg ada menunjukkan ia bukan harta pusaka

Ganjaran & Ganjaran Terbitan

- Ganjaran ialah pemberian kerajaan/majikan kpd kakitangannya yg tln bersara/dikehendaki bersara & diberi sekaligus
- Formula: $7.5/100 \times \text{tempoh perkhidmatan (bulan)} \times \text{gaji akhir}$
- Ganjaran terbitan dibayar kpd org tanggungan kakitangan yg tln mati — balu/duda, anak bawah 21 tahun yg belum berkahwin & ibu
- Tertakluk kpd Akta Pencen 1980 (Akta 227) & (Akta 239)
- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-21 pd 12 September 1988 memutuskan bhw ganjaran terbitan & pencen terbitan tidak termasuk sbg harta pusaka, maka kaedah pembahagiannya tidak tertakluk kpd kaedah pembahagian harta pusaka

Pampasan

- Skim Ex-Gratia Bencana Kerja adalah skim yg memberi pampasan kpd Anggota Perkhidmatan Awam yg ditimpa bencana kerja semasa menjalankan tugas rasmi hingga menyebabkan hilang upaya kekal @ kematian termasuk yg teraniaya disebabkan perbuatan balas dendam akibat drpd tindakan semasa menjalankan tugas rasmi (Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2001)
- Bagi pekerja yg telah mati, ex-gratia terbitan akan dibayar kpd org tanggungan
- Bagi si mati yg tiada balu/duda @ anak — pemberian ex-gratia terbitan sekaligus kpd ibu/bapa (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 17 Tahun 2008)

Wang PERKESO

- Bayaran dibuat kpd org tanggungan seseorg pekerja yg mati akibat bencana kerja
- Tertakluk kpd Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969
- Pemberian tersebut bermaksud meringankan beban waris-waris
- Ia bukan harta pusaka
- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia Kali ke-49 pd 19 September 2000 telah memutuskan bhw wang SOCSO & PERKESO bukan termasuk dlm pembahagian harta pusaka

Insurans @ Takaful

- Penama yg ditulis di polisi insuran/takaful tidak dgn sendirinya menjadi hak milik kpd penama tersebut
- Wang yg dikeluarkan bukan milik penama
- Penama hanyalah sbg wasi/wakil/pentadbir
- Wang tersebut hendaklah dibahagikan kpd waris-waris mengikut hukum faraid
- Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan yg diwartakan pd 18 Januari 2001 memutuskan bhw org Islam yg dinamakan sbg penama olh si mati dlm apa-apa skim simpanan wang dlm mana-mana Kumpulan Wang Simpanan, Insurans, Tabung, Lembaga, Syarikat Kerjasama, Koperasi @ institusi kewangan ialah wasi kpd si mati & hendaklah membahagikan harta peninggalan kpd waris yg berhak mengikut pembahagian faraid

Sambungan....

- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-94 pd 20-22 April 2011 telah membincangkan status pampasan polisi insurans konvensional slps kematian pembeli polisi
- Muzakarah tlh memutuskan spt berikut:
 - Insurans konvensional adalah suatu muamalah yg tidak patuh syariah krn mempunyai elemen-elemen yg bercanggah dgn prinsip teras Islam
 - Pampasan polisi insurans konvensional dikira sbg harta tidak patuh syariah
 - Jumlah bayaran pokok pembeli polisi ketika hayat shj dikategorikan sbg harta peninggalan si mati yg perlu diagihkan secara sistem faraid

Sambungan....

- Baki pampasan polisi insurans konvensional tersebut tidak blh diwarisi olh ahli waris secara sistem faraid serta wajib dilupuskan dgn diserahkan sama ada kpd pihak Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri-Negeri @ didermakan utk tujuan kebajikan termasuklah kpd golongan fakir & miskin
- Jika terdapat ahli waris pembeli polisi, contohnya isteri @ anak-anak pembeli polisi dikategorikan sbg golongan fakir & miskin, maka hukumnya adalah harus bagi ahli waris tersebut utk mengambil wang pampasan polisi insurans konvensional tersebut dgn jumlah sekadar keperluan sbg fakir & miskin stlh disahkan oleh pihak berkuasa @ Jawatankuasa Kariah kawasan berkenaan
- Baki wang pampasan polisi tersebut perlulah dilupuskan mengikut cara yg tlh dinyatakan di atas

SEBAB-SEBAB SALING PUSAKA MEMPUSAKAI

PERKAHWINAN

KETURUNAN

PERKAHWINAN

- ❑ Bermaksud perkahwinan yang sah di sisi syarak
- ❑ Walaupun perkahwinan baru sahaja berlangsung beberapa minit diijabkabulkan
- ❑ Cerai talak raj'i juga boleh dapat harta pusaka jika masih dalam tempoh iddah
- ❑ Jika cerai talak ba'in, cerai hidup sebelum bersetubuh, khulu' atau fasakh — **TIDAK BOLEH SALING MEMPUSAKAI HARTA PUSAKA**

KETURUNAN

Bermaksud keturunan hakiki. (Darah daging)

Tidak termasuk:

→ Anak tiri, anak susuan dan anak angkat walaupun dibinkan kepada si mati

Hanya menerima pusaka ibu:

→ Anak zina / anak dari perkahwinan tidak sah / anak tak sah taraf

→ Anak li'an

Masalah:

→ Anak derhaka / bapa tak mengaku anak

→ Anak si mati tetapi dibinkan kepada orang lain

SYARAT-SYARAT SALING PUSAKA MEMPUSAKAI

PEMILIK HARTA MATI

- Mati hakiki
- Mati hukmi

WARIS HIDUP KETIKA PEMILIK HARTA MATI

- **Waris yang mati dahulu daripada pemilik harta tidak mendapat harta pusaka**

HALANGAN MENERIMA HARTA PUSAKA

MEMBUNUH

BERLAINAN AGAMA

MURTAD

MEMBUNUH

- ⦿ Dlm mazhab Shafi'i, semua jenis pembunuhan tidak layak dapat harta pusaka
- ⦿ Tak kira sama ada pembunuhan itu dilakukan secara sengaja @ tidak
- ⦿ Tak kira sama ada pembunuh itu orang dewasa @ kanak-kanak
- ⦿ Tak kira sama ada pembunuh itu berakal @ tidak

BERLAINAN AGAMA

- ⦿ Orang Islam tidak mewarisi harta orang bukan Islam
- ⦿ Orang bukan Islam tidak mewarisi harta orang Islam

لا يرث المسلم الكافر . ولا يرث الكافر المسلم


Daripada Usamah bin Zaid r.a., Rasulullah s.a.w. bersabda: Orang Islam tidak mewarisi harta orang kafir, dan orang kafir tidak mewarisi harta orang Islam

(Riwayat Muslim)

MURTAD

- ⦿ Waris yang murtad tidak berhak harta pusaka si mati yang beragama Islam
- ⦿ Jumhur - Harta orang murtad tidak boleh diwarisi tetapi dikembalikan ke Baitulmal, dinamakan harta fai' (rampasan)

APAKAH HAK DAN TANGGUNGJAWAB WARIS KE ATAS HARTA PUSAKA SI MATI



Kenapa perlu mengetahui harta dan waris si mati?

- ❑ Setelah kematian, secara automatik harta si mati berpindah kepada waris yang ditinggalkan. **Persoalannya: Apakah harta pusaka si mati? Dan siapakah waris yang berhak mewarisi?**
- ❑ Untuk mengetahuinya, adalah dengan mendapat maklumat yang betul daripada orang-orang yang benar-benar berpengetahuan dalam ilmu faraid dan memahami kedudukan waris berdasarkan kepada kaedah ilmu faraid

TIDAK DIANGGAP SEBAGAI HARTA PUSAKA

- ❖ Harta yang telah dijual
- ❖ Harta yang telah diwakaf
- ❖ Harta yang telah dihibah
- ❖ Harta yang dipegang amanah
- ❖ Harta yang dipinjam

KENAPA PERLU TAHU ILMU FARAID

Adakah sesuatu harta itu harta pusaka atau tidak

Siapakah yang berhak mewarisi sesuatu harta pusaka

Berapakah kadar bahagian setiap orang waris


Bagaimana tatacara pembahagian dan kaedah pengiraan

Mengapa perlu mengetahui waris yang berhak mewarisi?

- ❑ Supaya hanya waris yang berhak sahaja yang akan mengurus dan membincangkan pembahagian harta. **Campurtangan orang luar seperti ipar, menantu, rakan-rakan yang tidak diundang mungkin boleh menimbulkan salah faham, akhirnya akan menimbulkan pertelingkahan.** Bagaimanapun mereka boleh membantu sekiranya diperlukan.
- ❑ Agar waris yang berhak tidak ditinggalkan.
- ❑ Agar tidak ada orang yang merasa kecewa dan malu akibat kejahilan hukum faraid kerana menyangka beliau berhak mendapat pusaka sedangkan mengikut hukum, sebenarnya beliau tidak berhak.
- ❑ Agar waris-waris dapat memiliki atau memakan harta bersih, baik dan berkat serta mendapat keredhaan Allah s.w.t..

5 ORANG WARIS UTAMA

Peringatan:
Ibu dan bapa
si mati berhak
menerima pusaka
walaupun
si mati
meninggalkan
anak lelaki.




Mengapa perlu tahu kadar bahagian waris-waris?

- ❑ Langkah seterusnya: mengetahui bahagian yang akan diwarisi.
 - ✓ Samada banyak atau sedikit.
 - ✓ Samada mewarisi secara fardu atau asabah.
 - ✓ Samada $\frac{1}{2}$, $\frac{1}{4}$, $\frac{1}{6}$ bahagian dan sebagainya.

- ❑ Pengetahuan mengenai kadar bahagian waris hanya boleh diketahui melalui pengajian kaedah pembahagian yang terdapat dalam ilmu faraid.

KADAR BAHAGIAN WARIS

WARIS UTAMA



PENGIRAAN FARAID

	WARIS		24	144
	Ibu	$1/6$	4	24
	Bapa	$1/6$	4	24
	Isteri	$1/8$	3	18
2	Anak Lelaki 1	Asabah	13	26
2	Anak Lelaki 2			26
1	Anak Perempuan 1			13
1	Anak Perempuan 2			13

Institusi Pengurusan & Pembahagian Harta Pusaka

Mahkamah
Tinggi Sivil

Harta Pusaka
Besar (Biasa)

JKPTG

Harta Pusaka
Kecil

Amanah
Raya
Berhad

Harta
Pusaka
Ringkas

Harta Pusaka Kecil

Harta pusaka yg ditinggalkan oleh si mati yang terdiri daripada harta tak alih sahaja @ campuran antara harta tak alih & harta alih yang nilai totalnya tidak melebihi RM2 juta

Harta Pusaka Besar (Biasa)

- Harta pusaka yang ditinggalkan oleh si mati yang nilainya melebihi RM2 juta
- Ia boleh terdiri daripada harta alih sahaja @ harta tak alih sahaja @ campuran antara harta alih & tak alih

Harta Pusaka Ringkas

A diagram consisting of a dark red rectangular box at the top containing the text 'Harta Pusaka Ringkas'. A large, downward-pointing arrow, also in dark red, connects this box to a light green rounded rectangular box below it. The green box contains a bullet point with a red arrowhead and text defining 'Harta Pusaka Ringkas' as movable property left by a deceased person, valued at not more than RM600,000.

- Harta pusaka yang ditinggalkan oleh si mati yang terdiri daripada harta alih sahaja yang nilainya tidak melebihi RM600,000

TINDAKAN SEBELUM PEMBAHAGIAN

- Penyelesaian hutang
- Wasiat
- Hibah
- Tuntutan Nasab
- Harta Sepencarian
- Wakaf
- Jual beli
- Pinjam

BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARIAH KE ATAS HARTA PUSAKA ORANG ISLAM

Mengendalikan hal-hal perwarisan orang Islam

Mengesahkan nasab

Mengeluarkan perintah faraid

Mengesahkan wasiat, hibah, wakaf & harta sepencarian

KEDUDUKAN BAITULMAL DALAM HARTA PUSAKA ORANG ISLAM

Menerima bahagian
dalam kes rad dan zawil
arham

Menjadi benefisiari bagi
harta pusaka tidak
berwaris / mafqud


Menjadi pentadbir harta
pusaka

Menjadi wasi sesuatu
wasiat dan pemegang
amanah mana-mana
amanah

**TAHUKAH ANDA
BAITULMAL BOLEH
MEWARISI HARTA
PUSAKA?**




AHLI WARIS PUSAKA



KEDUDUKAN WARIS ZAWIL ARHAM

PENGERTIAN...


“Waris zawil Arham ialah ahli waris yang mempunyai hubungan kerabat atau darah dengan simati selain daripada waris ashab al Furud dan asobah sama ada lelaki atau perempuan”



WARIS ZAWIL ARHAM TIDAK MENERIMA HARTA PUSAKA JIKA ADA BAITULMAL

“Imam Al Syafie rh.a berpendapat, waris Zawil Arham **tidak menerima harta pusaka** jika Baitulmal wujud dan ditadbir dengan baik. Waris Zawil Arham juga tidak mendapat harta pusaka kerana hak mereka terhadap pusaka tidak disebut di dalam Al Quran atau Sunnah. Mungkin perkara ini ada hikmah yang tidak diketahui melainkan Allah SWT diserahkan segala urusan. Pendapat ini didokong kuat oleh Saidina Abu Bakar r.a, Saidina Uthman r.a, Saidina Zayd bin Thabit r.a dan lain-lain”

CONTOH WARIS ZAWIL ARHAM




Waris Zawil Arham tidak mewarisi harta pusaka kerana tidak terdapat nas-nas yang jelas di dalam Al Quran, Al Sunnah dan Ijmak. .

Sabda Rasulullah SAW:

....."Aku adalah pewaris bagi sesiapa yang tiada pewaris. Akulah yang akan membayar diyatnya dan aku mewarisi hartanya"


Riwayat Abu Daud

Baitulmal boleh mewarisi harta pusaka melalui tiga keadaan berikut:




- *Si mati tidak mempunyai waris langsung.*
- *Ada waris tetapi tidak berhak mewarisi atau terhalang.*
- *Ada waris tetapi tidak menghabiskan pusaka.*

Contoh Si mati tidak mempunyai waris langsung.



CONTOH ADA WARIS TETAPI TIDAK BERHAK MEWARISI ATAU TERHALANG

Contoh 1




Keterangan:

Cucu daripada anak perempuan yang mati dahulu dinamakan waris Dzawil-Arham dan tidak mewarisi.

Sekiranya tiada waris lain, semua harta diserahkan kepada **baitulmal**.

CONTOH ADA WARIS TETAPI TIDAK MENGHABISI PUSAKA



		3
2 Anak perempuan	2/3	2
BAITULMAL	Baki	1

Keterangan:

Anak perempuan Simati tidak boleh menghabiskan semua harta pusaka Simati

Sekiranya tiada waris lain, baki harta diserahkan kepada **baitulmal**.

TANGGUNGJAWAB BAITULMAL

- ⦿ Apabila sesuatu harta telah jatuh ke Baitulmal, maka Baitulmal boleh menjadi **pentadbir** ke atas harta pusaka tersebut mengikut peruntukan undang-undang sedia ada setelah mendapat perintah daripada agensi berkaitan.
- ⦿ Selain itu, Baitulmal juga boleh menjadi **penerima manfaat** dalam bentuk nilai apabila mendapat perintah daripada Amanah Raya, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) dan Mahkamah Tinggi Sivil

“Bagi harta tidak alih yang masih belum dimanfaatkan secara kekal oleh pihak MAIS, mana-mana waris Simati boleh menebus kembali harta tersebut daripada Baitulmal. Tuntutan ini boleh dilakukan di Unit Faraid, Bahagian Harta Baitulmal Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)”



Gambar hiasan : Perbincangan dan Perundingan di kalangan waris sangat perlu bagi memudahkan proses pembahagian harta pusaka

APAKAH AKIBAT KELEWATAN PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA?

Makan harta haram

Hutang tidak dijelaskan

Wasiat tidak disempurnakan

Bilangan waris makin bertambah

Berlaku perbalahan

Status pemilikan tidak jelas

Tanah terbiar / harta beku

Hilang dokumen / lupa fakta

Mendorong keterangan palsu

Berita Harian

terbitkan sejak 1957

Ilmu dan Ma

lam B\$1.50

90 waris dapat 1.8 meter persegi tanah seorang

Oleh Norfatimah Ahmad

BUTTERWORTH, Jumaat – Kerana semua mahu menuntut hak ke atas sekeping tanah pusaka di Pulau Pinang, seramai 90 waris terpaksa berpuas hati apabila hanya mendapat 1.8 meter persegi tiap seorang.

Dalam kes lain, seorang waris membuat tuntutan harta pusaka selepas hampir 100 tahun pemiliknya meninggal dunia.

Ketua Penolong Pengarah Unit Pembahagian Pusaka Wilayah Utara, Wan Halim Wan Adnan, berkata

dua contoh itu adalah antara berpuhul kes yang melewati urusan tuntutan harta pusaka terutama tanah.

Kelewatan membuat tuntutan dan terlalu ramai yang menuntut juga turut menyebabkan wang pampasan lewat diserahkan kepada pewaris, selain pelbagai masalah lain yang merumitkan proses itu.

“Dalam kes 100 tahun itu, kematian dicatatkan pada 1899 dan waris hanya baru memohonnya pada 1998. Jika waris terlalu ramai, nilai

wang pampasan yang diperoleh kecil,” katanya kepada *Berita Harian*.

Wan Halim berkata, unit berkenaan akan mengadakan kempen bagi menyedarkan orang ramai mengenai tanggungjawab mereka terhadap harta pusaka, menerusi radio mulai bulan ini.

Mengikut Piagam Pelanggan unit itu, perintah pembahagian akan diperolehi dalam masa empat bulan, bergantung kepada kes tertentu. Bagaimanapun, jika waris memohon

sebaik kematian pemilik pampasan akan diperolehi lebih cepat, terutama apabila berkuasanya Akta Pengambilan Tanah.

Bagaimanapun, katanya, sebilangan besar waris didapati tidak minat membuat permohonan ke pejabat kerajaan kecuali selepas mengetahui perincian mengenai tanah berkecuali negeri atau Pusat pembangunan. Projek pembangunan.

LIHAT MUKA 2

50 tahun baru selesai kes tuntutan tanah pusaka

Oleh RADHUAN HUSSAIN

TEMERLOH 17 Ogos – Mahkamah Tinggi di sini mencatat sejarah tersendiri apabila berjaya menyelesaikan kes pertelingkahan tuntutan tanah pusaka yang tertangguh sejak 1955.

Penghakiman persetujuan dire-

ARTIKEL PENUH

900,000 hak milik tanah 'kepunyaan orang mati'



Oleh Rasheffa Abdul Rashid

TANJUNG MALIM: Sebanyak 900,000 daripada 6.2 juta hak milik tanah yang didaftarkan di seluruh negeri masih berdaftar atas nama orang yang sudah meninggal. Masalah ini berpunca kerana ahli waris tidak menyetujui hak pusaka.

watan waris menyetujui hak pusaka. Masalah ini berpunca kerana ahli waris tidak menyetujui hak pusaka.

riah masing-masing. Adenan berkata, antara 18 hingga 25 peratus daripada keseluruhan hak milik yang terbabit dengan pengambilan tanah bagi sesuatu projek kerajaan juga adalah tanah pusaka.

umumnya banyak tanah pusaka yang tidak dibayar. Masalah ini berpunca kerana ahli waris tidak menyetujui hak pusaka.

"Masalah ini berpunca kerana ahli waris tidak menyetujui hak pusaka. Masalah ini berpunca kerana ahli waris tidak menyetujui hak pusaka."

20,900 kes pusaka RM471j belum selesai

yang berdaftar di pejabat pendaftaran tanah. Masalah ini berpunca kerana ahli waris tidak menyetujui hak pusaka.



DURONG AMAL

pa yang utung sedang. Kes penyelesaian terus berlaku, katanya sebagai rancangan pusaka Islam. Selain itu, memawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan kepada ahli waris. Beliau berkata, masalah ini berpunca kerana ahli waris tidak menyetujui hak pusaka. Beliau berkata, masalah ini berpunca kerana ahli waris tidak menyetujui hak pusaka.

RM40 BILLION UNCLAIMED CASH AND ASSETS LEFT BY THE DEAD

RM438 billion in land and property
 RM1.5 billion with Reg. of Unclaimed Moneys
 RM70 million with the CPF
 About 3 million land parcels still in the name of dead people

Sudden demise by a family member without leaving a will not only creates problems of inheritance but also leaves the family stranded with outstanding loans and other obligations the deceased member may have.

What do you think OF OUR TOP STORY?

RM40b waiting to be given to heirs

mereka tugas lain. Masalah ini berpunca kerana ahli waris tidak menyetujui hak pusaka. Beliau berkata, masalah ini berpunca kerana ahli waris tidak menyetujui hak pusaka.

Gara-gara pusaka lelaki tua diikat ambil cap jari

KULIM 23 Mei — Semata-mata bagi mendapatkan cap ibu jari yang Kampung Permatang Durian, Pa- runkan cap ibu jari mangsa pada satu kertas," katanya kepada *Berna-*

18C

Setempat

HARIAN METRO, SELASA, 10 MEI 2005



NENEK DITUMBUK SEPUPU

Oleh Mohd Jamilul Anbia
Md Denin

Tak puas hati pembahagian tanah pusaka

kan berlaku perebutan antara
a," katanya ketika ditemui di
Biro Aduan MCA di sini, se-

berkata, sepupunya tiba-tiba
ngin' dan melepaskan tumbu-
nata kanannya.
menumbuk bertubi-tubi pipi
ka saya. Saya terjatuh dan cu-
jerit minta dilepaskan namun
saya makin ganas," katanya
mendakwa sepupunya itu

turut membawa parang panjang se-
belum mengacukan terhadapnya.

Tan mendakwa kejadian itu sem-
pat dilihat empat Orang Asli dan se-
orang pemandu lori yang kebetulan
melalui jalan terbabit.

"Mereka segera menghalang se-
pupu saya," katanya.

Mangsa yang kematian suami
enam tahun lalu, berkata, atas nasi-
hah keluarga, dia membuat laporan
di Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang.

Tiga anak derhaka 'buang' wanita uzur

Berebut harta di kubur ibu

> Selepas menghantar ibu mereka yang uzur ke pusat jagaan orang tua dua tahun lalu, tiga beradik derhaka itu langsung tidak pernah menjenguknya lagi. Pelbagai alasan diberi, tetapi sebaik wanita malang itu meninggal baru-baru ini, mereka muncul ketika orang ramai sedang menguruskan jenazahnya, semata-mata mahu menuntut harta. *lapor Kayati Ibrahim* **4**

Adik dakwa kakak 'anak luar nikah' demi membolot harta

KISAH benar ini berlaku di Kelantan kira-kira 15 tahun dahulu dan mencetuskan sensasi dalam media tempatan. Ini bukan sahaja kerana isi tuduhan yang dibuat terhadap ahli keluarga itu tidak sesuai dengan adat Melayu, keluarga itu tidak lain tidak bukan ialah keluarga Nik Mat Nik Yem, orang terkenal berpengaruh dan berharta di daerahnya.

WALAU PUN Nik Mat berpengaruh dalam hal penguatkuasaan adat dan agama sejak usianya setengah abad, orang kampung masih tidak lupa peristiwa Nik Mat dan anak Nik Saw (Isa) 'kahwin lari' pada zaman remajanya dahulu.

Hasil perkahwinan itu, Nik Mat mendapat sepiang anak, Nik Midah dari Nik Zeng. Mereka tidak pernah kenal susah kerana kecekapan ibu bapa mereka menguruskan perniagaan dan mengumpulkan harta. Kemewahan itu menyebabkan Nik Zeng cual dalam berbelanja, perhubungan dengan orang lain (kerana keangkuhannya) dan akhirnya membawa kepada kemalasan bekerja. Namun begitu, tiada seorang pun yang sanggup menegurnya kerana bapanya seorang yang berpengaruh tetapi pemurah. Semakin lama semakin banyak harta Nik Mat seolah-olah dia akan hidup selama-lamanya. Itulah alasannya apabila ditanya sahabat mengapa dia masih mengumpul harta pada usia lanjut. Maka dia mengeluarkan sebuah hadis, "Carilah harta seolah-olah kamu akan hidup selama-lamanya..." Sama ada terlupa atau sengaja dia tidak menyudahkan hadis itu, iaitu, "... dan beribadallah kamu seolah-olah kamu akan mati esok hari."

Mati memang tidak tunggu tua atau muda, miskin atau kaya; Nik Mat meninggal dunia pada usia 62 tahun, ketika kemuncak harta kekayaan dan pengaruhnya. Nik Zeng terus bertindak sebagai pengganti ayahnya dari segi harta sahaja, bukan yang lain. Dia menyekat kakaknya daripada menikmati

harta ayah mereka seolah-olah kakaknya tidak ada hak langsung. Kakaknya serta suami amat tersinggung atas sikapnya yang ingin membolot segala harta.

Semua harta tidak alih (bangunan, rumah atau tanah) adalah atas nama ayahnya. Begitu juga simpanan yang banyak di dalam bank. Permohonan untuk mendapatkan Surat Kuasa Pentadbir Pusaka hendaklah diperolehi dari mahkamah. Dari segi hukum pembahagian, Nik Zeng berhak mendapat dua pertiga dari harta berkenaan manakala kakaknya mendapat satu pertiga lagi. Bagaimanapun, dia tidak mahu berkongsi harta dengan kakaknya.

Hujah yang dikemukakan di mahkamah untuk meniadakan hak atau bahagian kakaknya ialah kakaknya adalah 'anak luar nikah'. Itulah yang didengarnya ketika dia bersekolah dahulu daripada orang tua; dan setelah dewasa pula, dia pernah mendengar bahawa 'anak luar nikah' tidak ada bahagian pusaka.

Untuk memendam suatu perkara di dalam hati adalah satu hal, tetapi untuk digunakannya di mahkamah bermakna kealiban keluarga didedahkan kepada khalayak. Serta-merta akhbar tempatan hangat dengan berita, "Anak Nik Mat anak luar nikah." Berita ini menggemparkan masyarakat tempatan kerana Nik Mat adalah seorang penguatkuasa daerah dan pernah beberapa kali mendakwa beberapa pasangan dalam hal melanggar hukum agama. Tidak mungkin orang yang menegakkan moral

terbabit dalam hal yang tidak bermoral. Mahkamah kemudian merujuk hal ini kepada Mahkamah Syariah untuk menentukannya. Selepas menyemak rekod surat nikah Nik Mat serta tarikh lahir Nik Midah, didapati anak itu lahir tujuh bulan dan dua minggu selepas perkahwinan ibu bapanya. Sukar bagi mahkamah menentukan status bayi itu. Tidak mustahil seorang bayi dilahirkan pada usia kandungan tujuh bulan. Untuk membuat suatu keputusan yang berat seperti ini, mahkamah memerlukan bukti yang lebih kukuh. Dengan itu, Mahkamah Syariah memutuskan bahawa tiada bukti kukuh yang menentukan bahawa anak itu adalah anak luar nikah. Dengan itu Nik Midah berhak dalam pembahagian harta pusaka ayahnya menurut hukum syarak. Walaupun kes itu selesai, babak ini menghantui keluarga berkenaan. Pihak media mengorek hal Nik Mat yang 'berkahwin lari' dengan kekasihnya. Kedua-dua orang tua itu sudah lama meninggal dunia, tetapi masyarakat masih menghukum mereka. Walaupun anak sulung mereka terlepas daripada hukuman 'anak luar nikah', mereka masih diumpat cela dalam hal 'kahwin lari' dan kemungkinan menghasilkan 'anak luar nikah'. Nik Midah berasa tertekan, apa lagi anak-anaknya yang sudah mula memahami hal-hal seperti ini. Akhirnya dia dan suaminya mengambil keputusan berpindah ke Kuala Lumpur untuk memulakan hidup baru. Dengan gaya hidup serba mewah, Nik Zeng hanya memerlukan dua tahun untuk menghabiskan harta ayahnya. Sebagaimana dia menghina kakaknya (dan secara tidak langsung ibu bapanya sendiri) maka gilirannya pula untuk dihina oleh masyarakat kerana tidak lagi mampu menyara hidupnya sendiri.

Abang maut ditetak adik gaduh rebut harta pusaka

Suspek pangku mangsa sambil menangis sejurus kejadian

Oleh Azida Shahrudin
aazida@my.com.my

PONTIAN: Akibat rebut harta pusaka, seorang lelaki maut ditetak saudara kandungnya dengan parang dalam kejadian di Kampung Jass Sepakat, Pekan Nenas, di sini, semalam.

Mangsa yang juga peniaga buah-buahan, Tahir Zainal, 41, mati dalam perjalanan ke Hospital Pontian (HP), di sini, selepas mengalami kecederaan parah di bahagian kiri badan dalam kejadian kira-kira jam 1.30 tengah hari itu.

Timbalan Ketua Polis Daerah, Superintendan Muzammil Hashim, berkata anggota Balai Polis Pekan Nenas yang menerima panggilan mengenai kejadian itu kira-kira jam 2.50 petang, menemui mangsa dalam keadaan ber-

lumuran darah di luar rumah berkenaan.

Beliau berkata, berikutan itu, pihaknya membawa mangsa ke HP untuk rawatan kecemasan sebelum menahan suspek, adik mangsa yang berusia 36 tahun.

Katanya, siasatan awal mendapati mangsa yang juga menetap di kampung itu pergi ke rumah pusaka arwah ibunya, kira-kira 50 meter dari rumahnya, bersama isteri bagi menyelesaikan isu harta pusaka dengan abangnya.

"Mangsa dikatakan berang apabila mendapati rumah berkenaan berkunci sebelum membuka bonet kereta dan mengambil sebatang kuku kambing dan cuba memecah pintu rumah.

"Perbuatan Tahir cuba dilarang suspek, abangnya serta isteri mereka yang berada di tempat kejadian, namun mangsa enggan dan bertin-

dak memaki hamun serta mencabar mereka," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Muzammil berkata, mangsa bagaimanapun gagal membuka pintu menyebabkan beliau bertindak mengambil kapak dan cuba memecahkan pintu sambil memarahi suspek serta abangnya.

Beliau berkata, tindakan mangsa menyebabkan suspek bertindak ke rumah

abangnya, kira-kira 20 meter dari tempat kejadian dan mengambil sebilah parang serta sebatang tanjak kelapa sawit.

"Suspek kemudian pergi ke arah Tahir yang ketika itu ke bahagian tepi rumah untuk memecahkan pintu belakang. Apabila suspek menghampiri mangsa, mangsa bertindak menyerang adiknya dengan kuku kambing menyebabkan suspek menghayun parang dan menetak mangsa," katanya.

Difahamkan, suspek yang menyesal dengan kejadian itu memangku badan mangsa dan menangis sebetum abang mangsa menghubungi ambulans dan polis.

Muzammil berkata, pihaknya kini menahan reman suspek bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

“Perbuatan Tahir cuba dilarang suspek, abangnya serta isteri mereka yang berada di tempat kejadian”

Muzammil Hashim
Timbalan Ketua Polis Daerah

Sekian, Wallahu a'lam

Bahagian Harta Baitulmal

Majlis Agama Islam Selangor

Ting. 10, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah

40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-5514 3773 / 3772 / 2190 / 3570

Faks: 03-5512 4042

H/P: 019-264 7637

indera@mais.gov.my

www.mais.gov.my / www.wasiat.com.my



wasiat hibah pusaka faraid MAIS



wasiatislam